

**PENGARUH ELEMEN *SERVICESCAPES* TERHADAP KEPUASAN
PELANGGAN PUSAT MEMBELI-BELAH**

NUR HAFIZAH BINTI JUHARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGARUH ELEMEN *SERVICESCAPES* TERHADAP KEPUASAN
PELANGGAN PUSAT MEMBELI-BELAH

NUR HAFIZAH BINTI JUHARI

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Sains (Pengurusan Fasiliti)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2014

Dedikasi

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.....

Khas buat Abah (Juhari B Ariffin) dan Mak (Rasadah Bt Zakaria) yang mendidiku hingga ke tahap ini, abang-abang (Saiful Hafiz dan Mohd Azhar) dan kakak-kakak (Nur Haslina dan Najihah) yang sentiasa memberi semangat tidak henti-henti serta dua anak saudara (Nur Syazahurin Nadiah dan Muhamad Niyaz Hadif) yang sentiasa menceriakan kehidupanku.

Terima kasih atas doa kalian. Tanpa doa dari seorang ibu dan bapa juga ahli keluarga, tidak mungkin kejayaan ini dapat dicapai. Terima kasih atas keprihatinan kalian, Tanpa keprihatinan kalian, tidak mungkin wujud kecekalan dan kesabaran dalam diri ini. Terima kasih atas kepercayaan kalian. Tanpa kepercayaan kalian, tidak mungkin diri ini mampu berdikari. Terima kasih untuk segalanya-segalanya.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan inayahNya telah mengizinkan saya menyiapkan penyelidikan ini. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Sr. Dr. Hishamuddin Bin Mohd Ali selaku penyelia di atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Bimbingan dan tunjuk ajar yang dihulurkan banyak membantu kepada kejayaan penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada panel-panel dan pengerusi yang terlibat semasa pembentangan kertas kerja awal dan akhir penyelidikan ini iaitu Dr. Maimunah, Dr. Noraini, Dr. Norhaya, Dr. Nazri, Dr. Ibrahim, Dr. Buang dan Dr. Chong. Pandangan dan saranan yang diberikan membantu dalam memantapkan dan memurnikan lagi kajian ini. Tidak dilupakan, ribuan terima kasih diucapkan kepada wakil-wakil pihak pengurusan pusat membeli-belah yang terlibat di atas kesudian meluangkan masa dan memberikan kerjasama sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Pada kesempatan ini juga, ribuan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga tercinta dan rakan seperjuangan di atas dorongan dan bantuan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Pusat membeli-belah merupakan harta tanah komersial yang sering menjadi kunjungan orang ramai di mana fungsi utama bangunan ini bukan hanya memasarkan barangan, malah turut melibatkan konsep perkhidmatan. Konsep perkhidmatan merupakan aktiviti utama yang berorientasikan perdagangan. Oleh yang demikian, pihak pengurusan pusat membeli-belah perlu menitikberatkan penyampaian sistem perkhidmatannya bagi menjamin kepuasan pelanggan. Aspek perkhidmatan seperti *servicescapes* perlu diberi perhatian kerana ia merupakan salah satu faktor yang berupaya membuatkan pelanggan mendekati atau menghindari persekitaran pusat membeli-belah berdasarkan kepada persepsi dan tindak balas kepada keadaan ambien, susunatur ruang dan fungsi, serta simbol dan artifak. Antara isu yang timbul adalah seperti ketidakselesaan terhadap keadaan ambien, keadaan fasiliti dalaman, kekurangan fasiliti tempat meletak kenderaan, kemudahan orang kurang upaya, ketidakkreatifan rekabentuk susunan, lanskap dan tema kurang menarik. Maka, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti pengaruh elemen *servicescapes* terhadap kepuasan pelanggan pusat membeli-belah. Di samping itu, kajian ini juga mengenalpasti perbezaan kepuasan pelanggan terhadap elemen *servicescapes* pusat membeli-belah yang berlainan jenis serta menentukan elemen *servicescapes* mengikut jenis berdasarkan kepuasan pelanggan. Soal selidik digunakan dalam pengumpulan data di lima buah pusat membeli-belah yang berlainan jenis dengan jumlah keseluruhan responden adalah seramai 419 orang pelanggan. Analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis deskriptif dan *Analysis of Variance*. Hasil yang diperolehi menunjukkan elemen *servicescapes* di dalam faktor ambien dan simbol serta artifak berada pada tahap kepuasan tinggi manakala elemen di dalam faktor susunatur ruang dan fungsi mencatatkan tahap kepuasan sederhana. Pusat membeli-belah yang berlainan jenis menghasilkan tahap kepuasan yang berbeza dan kepuasan terhadap elemen *servicescapes* mengikut jenis pusat membeli-belah turut berbeza.

ABSTRACT

Shopping mall is a commercial property which is often visited by public whose primary function not only markets the products, but also involved the service concept. The concept of service-oriented is the main trading activities. Therefore, the facilities manager is required to emphasize the system service to ensure customer satisfaction. Servicescapes is noteworthy as it is one of the factors that can attract the customers or can make them keep away from visiting the mall based on ambient conditions, layout and function space, and symbols and artifacts. Among the issues arise are unappealing atmosphere, the condition of internal facilities, lack of parking and disable facilities, unattractive arrangement layout, and fewer attractions and characterless of landscape and theme. Thus, the purpose of this study is to identify the influences of shopping mall's servicescapes through customer satisfaction. Besides that, this study also aims to recognize the difference of customer satisfaction through shopping mall's servicescapes towards various types of shopping malls and to determinate elements of servicescapes by types based on customer satisfaction. Questionnaires were used to collect the data at five different concept of shopping malls with the total respondents of 419. The data were analyzed using descriptive analysis and Analysis of Variance. The results obtained show that servicescapes elements such as ambient factors and symbols and artifacts are at a high satisfaction level while the elements in the layout and functionality factors recorded moderate level of satisfaction. Shopping malls in different types produce different levels of satisfaction. There are different levels of satisfaction on servicescapes between different types of shopping malls.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xviii
	SENARAI SINGKATAN	xx
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Persoalan Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Skop Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Metodologi Kajian	9

1.8	Susunatur Bab	10
-----	---------------	----

BAB 2 *SERVICESCAPES* DI PUSAT MEMBELI-BELAH

2.1	Pengenalan	13
2.2	Jenis-jenis Pusat Membeli-belah	13
2.3	Keperluan <i>Servicescapes</i> Yang Berkualiti Terhadap Pusat Membeli-belah	17
2.4	<i>Servicescapes</i>	18
2.4.1	<i>Servicescapes</i> dan Persekitaran Fizikal	23
2.4.2	Pengaruh <i>Servicescapes</i> Terhadap Kedatangan Pelanggan	24
2.5	<i>Servicescapes</i> Pusat Membeli-belah	
2.5.1	Faktor Ambien	26
2.5.1.1	Suhu	26
2.5.1.2	Kualiti Udara	26
2.5.1.3	Bau	27
2.5.1.4	Warna	27
2.5.1.5	Pencahayaan	28
2.5.1.6	Muzik	29
2.5.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	30
2.5.2.1	Perletakan dan Keadaan Tempat Meletak Kenderaan	30
2.5.2.2	Rekabentuk/susunatur Pusat Membeli-belah	31
2.5.2.3	Keadaan kesesakan	32
2.5.2.4	Campuran Penyewa	33
2.5.2.5	Perletakan dan Keadaan Tandas	34
2.5.2.6	Perletakan dan Keadaan Surau	35
2.5.2.7	Perletakan Kaunter Pertanyaan Pelanggan	36
2.5.2.8	Keadaan Medan Selera	36
2.5.2.9	Keselamatan, Keselesaan dan Keyakinan	37

2.5.2.10 Perletakan dan Keadaan Tangga, Lif, Eskalator dan Traveletor	38
2.5.2.11 Perletakan dan Keadaan Alat Pemadam Kebakaran dan Pintu kecemasan	39
2.5.2.12 Tempat Penyimpanan Barang	40
2.5.2.13 Keadaan Kemudahan Orang Kurang Upaya	40
2.5.3 Faktor Simbol dan Artifak	42
2.5.3.1 Komunikasi Visual / Papan Tanda	42
2.5.3.2 Tema	43
2.5.3.3 Lanskap	43
2.6 Kesan <i>Servicescapes</i> Terhadap Kepuasan Pelanggan	45
2.7 Kesimpulan	47

BAB 3 PUSAT MEMBELI-BELAH DI JOHOR BAHRU : KAJIAN KES

3.1 Pengenalan	49
3.2 Latar Belakang Pusat Membeli-belah Plaza Angsana	50
3.2.1 Elemen-elemen <i>Servicescapes</i> Pusat Membeli- belah	51
3.3 Latar Belakang Pusat Membeli-belah Giant U-Mall	54
3.3.1 Elemen-elemen <i>Servicescapes</i> Pusat Membeli- belah	55
3.4 Latar Belakang Pusat Membeli-belah Sutera Mall	57
3.4.1 Elemen-elemen <i>Servicescapes</i> Pusat Membeli- belah	58
3.5 Latar Belakang Pusat Membeli-belah City Square	60
3.5.1 Elemen-elemen <i>Servicescapes</i> Pusat Membeli-belah	62
3.6 Latar Belakang Pusat Membeli-belah Aeon Taman Universiti	64

3.6.1 Elemen-elemen <i>Servicescapes</i> Pusat	
Membeli-belah	65
3.7 Kesimpulan	67

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pengenalan	68
4.2 Metodologi Kajian	69
4.3 Fasa 1 : Rekabentuk Penyelidikan	70
4.3.1 Persampelan	71
4.4 Fasa 2 : Kajian Literatur	72
4.5 Fasa 3 : Rekabentuk Soal Selidik	73
4.5.1 Penstrukturan Borang Soal Selidik	74
4.6 Fasa 4 : Pengumpulan Data	76
4.6.1 Insentif Kajian	77
4.7 Fasa 5 : Analisis Data	78
4.7.1 Analisis Kebolehpercayaan	79
4.7.2 Analisis Deskriptif	80
4.7.2.1 Frekuensi	80
4.7.2.2 Min	80
4.7.3 Analisis Ujian ANOVA	81
4.8 Fasa 6 : Hasil	83
4.9 Kesimpulan	85

BAB 5 ANALISIS DESKRIPTIF DAN ANOVA TERHADAP ELEMEN-ELEMEN *SERVICESCAPES* DI PUSAT MEMBELI-BELAH

5.1 Pengenalan	87
5.2 Analisis Kebolehpercayaan	88
5.3 Latar Belakang Responden	88

5.4	Objektif 1 : Mengenalpasti kepuasan pelanggan terhadap elemen <i>servicescapes</i> pusat membeli-belah	93
5.4.1	Faktor Ambien	94
5.4.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	95
5.4.3	Faktor Simbol dan Artifak	97
5.5	Objektif 2 : Mengenalpasti perbezaan kepuasan pelanggan terhadap elemen <i>servicescapes</i> pusat membeli-belah yang berlainan jenis	99
5.5.1	Plaza Angsana	99
5.5.1.1	Faktor Ambien	99
5.5.1.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	101
5.5.1.3	Faktor Simbol dan Artifak	104
5.5.2	Giant U-Mall	106
5.5.2.1	Faktor Ambien	106
5.5.2.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	108
5.5.2.3	Faktor Simbol dan Artifak	111
5.5.3	Sutera Mall	112
5.5.3.1	Faktor Ambien	112
5.5.3.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	114
5.5.3.3	Faktor Simbol dan Artifak	116
5.5.4	City Square	117
5.5.4.1	Faktor Ambien	118
5.5.4.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	119
5.5.4.3	Faktor Simbol dan Artifak	121
5.5.5	Jusco Taman Universiti	123
5.5.5.1	Faktor Ambien	123
5.5.5.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	124
5.5.5.3	Faktor Simbol dan Artifak	127
5.6	Objektif 3 : Menentukan Elemen <i>Servicescapes</i> Mengikut Jenis Pusat Membeli-belah Berdasarkan Kepuasan Pelanggan	128

5.6.1	Faktor Ambien	129
5.6.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	136
5.6.3	Faktor Simbol dan Artifak	154
5.7	Kesimpulan	159

BAB 6 PENEMUAN KAJIAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	161
6.2	Penemuan Kajian	161
6.2.1	Objektif 1 : Mengenalpasti kepuasan pelanggan terhadap elemen <i>servicescapes</i> pusat membeli-belah	162
6.2.2	Objektif 2 : Mengenalpasti perbezaan kepuasan pelanggan terhadap elemen <i>servicescapes</i> pusat membeli-belah yang berlainan jenis	164
6.2.3	Objektif 3 : Menentukan elemen <i>servicescapes</i> mengikut jenis pusat membeli-belah berdasarkan kepuasan pelanggan	166
6.2.3.1	Faktor Ambien	167
6.2.3.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	170
6.2.3.3	Faktor Simbol dan Artifak	181
6.2.3.4	Kesimpulan Keseluruhan dapatan kajian Objektif 3	184
6.3	Rumusan Kajian	187
6.4	Sumbangan dan Cadangan daripada Penemuan Kajian	189
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	190
6.6	Limitasi Kajian	191
6.7	Kesimpulan	192

BIBLIOGRAFI	193
LAMPIRAN	203

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Jenis Pusat Membeli-belah	15
2.2	Kajian lepas yang berkenaan dengan peruncitan	22
3.1	Elemen <i>servicescapes</i> di Plaza Angsana	52
3.2	Elemen <i>servicescapes</i> di Giant U-Mall	55
3.3	Elemen <i>servicescapes</i> di Sutera Mall	58
3.4	Elemen <i>servicescapes</i> di City Square	62
3.5	Elemen <i>servicescapes</i> di Jusco Taman Universiti	65
4.1	Bilangan sampel dalam kajian	72
4.2	Penstrukturan borang soal selidik	75
4.3	Skala likert tahap kepuasan	75
4.4	Kuantiti responen pusat membeli-belah	77
4.5	Ringkasan statistik yang digunakan	78
4.6	Min bagi tahap	81
5.1	Hasil analisis kebolehpercayaan	88
5.2	Latar Belakang Responden	89
5.3	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponen bagi faktor ambien	94
5.4	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	95
5.5	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponen bagi faktor susunatur ruang dan fungsi	95
5.6	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	97
5.7	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponen bagi faktor simbol dan artifak	97

5.8	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	98
5.9	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor ambien	99
5.10	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	100
5.11	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor susunatur ruang dan fungsi	101
5.12	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	104
5.13	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor simbol dan artifak	104
5.14	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	105
5.15	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor ambien	106
5.16	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	107
5.17	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor susunatur ruang dan fungsi	108
5.18	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	110
5.19	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor simbol dan artifak	111
5.20	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	112
5.21	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor ambien	112
5.22	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	113
5.23	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor susunatur ruang dan fungsi	114
5.24	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	116

5.25	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor simbol dan artifak	116
5.26	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	117
5.27	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor ambien	118
5.28	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	119
5.29	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor susunatur ruang dan fungsi	119
5.30	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	121
5.31	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor simbol dan artifak	121
5.32	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	122
5.33	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor ambien	123
5.34	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	124
5.35	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor susunatur ruang dan fungsi	124
5.36	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	126
5.37	Taburan kekerapan, peratusan dan min reponsen bagi faktor simbol dan artifak	127
5.38	Taburan bilangan dan peratusan reponden mengikut tahap kepuasan	128
5.39	Hasil Ujian ANOVA terhadap faktor ambien	129
5.40	Hasil Ujian Perbandingan Post Hoc terhadap faktor ambien	130
5.41	Hasil Ujian ANOVA terhadap faktor susunatur ruang dan fungsi	136

5.42	Hasil Ujian Perbandingan Post Hoc terhadap faktor susunatur ruang dan fungsi	137
5.43	Hasil Ujian ANOVA terhadap faktor simbol dan artifak	154
5.44	Hasil Ujian Perbandingan Post Hoc terhadap faktor simbol dan artifak	155
6.1	Ringkasan hasil tahap kepuasan kepuasan <i>servicescapes</i> di pusat membeli-belah	162
6.2	Ringkasan hasil analisis tahap kepuasan terhadap elemen <i>servicescapes</i> pusat membeli-belah yang berlainan jenis	164

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta alir metodologi kajian	11
2.1	Model Stimulus Organism Response	25
2.2	Tempat meletak kenderaan dalam bangunan dan luar bangunan	31
2.3	Tempat parkir motor	31
2.4	Keadaan sesak	33
2.5	Tandas	35
2.6	Surau wanita	35
2.7	Ekskletor dan traveletor	38
2.8	Lif	38
2.9	Alat pemadam kebakaran	39
2.10	Tandas OKU	41
2.11	Simbol	42
2.12	Penunjuk arah dan simbol	43
2.13	Tema perayaan tahun baru	43
2.14	Lanskap lembut	44
2.15	Lanskap keras	45
3.1	Plaza Angsana, Johor Bahru	50
3.2	Giant U-Mall	54
3.3	Pandangan hadapan Sutera Mall	57
3.4	Pandangan sisi Sutera Mall	57
3.5	Simbol City Square	60
3.6	Bangunan City Square	61
3.7	Jusco Taman Universiti	64
4.1	Rekabentuk kajian	71

4.2	Kajian Literatur	72
4.3	Rekabentuk soal selidik	73
4.4	Pengumpulan Data	76
4.5	Konsep Ujian Anova	82
4.6	Hasil	83
4.7	Carta Alir Metodologi Kajian	84
6.1	Faktor Ambien	167
6.2	Faktor Susunatur Ruang dan Fungsi	170
6.3	Faktor Simbol dan Artifak	181
6.4	Elemen-elemen <i>servicescapes</i> mengikut jenis pusat membeli-belah berdasarkan kepuasan pelanggan	186

SENARAI SINGKATAN

pmb	-	Pusat membeli-belah
ANOVA	-	Analysis of Variance Test
Autopay	-	Mesin pembayaran parkir

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

A	Soal selidik
B	Perincian analisis kebolehpercayaan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peruncitan merupakan satu bidang yang penting untuk dipelajari dan diselidiki kerana ia memberi kesan kepada ekonomi, berfungsi sebagai pengedar dan mempunyai hubungan dengan firma-firma penjualan barangan serta perkhidmatan kepada peruncit untuk jualan atau kegunaan (Berman dan Evan, 2010). Memandangkan sektor ini merupakan salah satu komponen ekonomi yang memberikan sumbangan yang penting terhadap Keluaran Negara Kasar (KDNK), maka kadar peningkatan dan penurunan ini juga turut dipengaruhi oleh kewujudan pusat membeli-belah yang semakin bertambah dari tahun ke tahun. Hal ini dijelaskan di dalam laporan pasaran harta separuh penggal 2013 di mana pertumbuhan pusat membeli-belah di Malaysia semakin meningkat berbanding tahun 2012 terutama negeri Johor. Dijangkakan hasil yang bakal diperolehi dari pusat membeli-belah pada tahun 2013 adalah meningkat berbanding tahun sebelumnya (CH William, Talha & Wong, 2013). Ini berkemungkinan kerana kedudukan negeri Johor yang terletak berhampiran Singapura mampu mengaut keuntungan berlipat-ganda hasil dari keuntungan jualan. Namun, sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mampu memuaskan hati pelanggan, sesebuah pusat membeli-belah itu tidak akan dapat bertahan lama.

Pusat membeli-belah adalah sebuah bangunan perdagangan yang merupakan harta tanah komersil di mana ia memerlukan penyediaan fasiliti yang lengkap sebagai salah satu elemen penting bagi memberikan keselesaan dan perkhidmatan

yang bermutu kepada pengunjung dan pengguna yang lain. Sesebuah bangunan yang berjaya adalah bangunan yang cantik dari segi pembinaannya, selamat diduduki dan dipenuhi dengan ciri-ciri kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh sesebuah bangunan bergantung pada fungsi bangunan itu (Sharifah Roziah, 2012). Merujuk kepada istilah bangunan pusat membeli-belah, fungsi utama bangunan komersial ini ialah perdagangan di mana ia bukan hanya memasarkan barangan, malah turut melibatkan konsep perkhidmatan di sebaliknya. Pemberian perkhidmatan persekitaran fizikal iaitu *servicescapes* mampu menarik kunjungan pelanggan ke pusat membeli-belah itu. Pelanggan bukan hanya tertumpu pada barangan, malah perkhidmatan. Pengurus pusat membeli-belah haruslah memikirkan *servicescapes* yang mendorong pelanggan untuk datang berkunjung.

Dengan meletakkan konsep perkhidmatan sebagai aktiviti utama yang berorientasikan perdagangan, organisasi tersebut juga perlu menitikberatkan sistem perkhidmatannya bagi menjamin kepuasan pelanggan dalaman mahupun luaran. Kepuasan tersebut dilahirkan melalui “kesetiaan” pelanggan untuk kekal mendapatkan produk atau perkhidmatan tertentu dari pembekal yang sama secara berterusan (Baker, et al., 2007). Ia dilihat dari perspektif pelanggan samada pelanggan akan setia atau berpindah ke pusat membeli-belah lain sekiranya *servicescapes* di tempat tersebut tidak memuaskan. Hal ini disebut “revisit” atau niat kedatangan semula yang diujahkan oleh Kim dan Moon (2009) di mana ia turut melibatkan model SOR. Oleh itu, penilaian atau pengukuran terhadap persepsi pelanggan ke atas *servicescapes* pusat membeli-belah perlu dilakukan untuk melihat tahap kepuasan pelanggan di pusat membeli-belah tersebut di samping dapat menarik lebih ramai kunjungan pelanggan serta dapat dijadikan panduan kepada pusat membeli-belah lain.

Bab ini tertumpu kepada rangka asas keseluruhan kajian. Bermula dengan pengenalan, diikuti pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian serta diakhiri dengan susunatur bab.

1.2 Penyataan Masalah

“*Servicescape*” merujuk kepada persekitaran fizikal di mana perkhidmatan ditawarkan oleh firma dan saling berinteraksi dengan pelanggan (Bitner,1992, Zeithaml dan Bitner,1996). Bitner (1992) menekankan kepentingan persekitaran fizikal dalam suasana perkhidmatan dengan mengkonsepsikan rangka kerja yang terperinci untuk mengkaji kesan persekitaran fizikal ke atas tingkah laku kedua-dua pelanggan dan pekerja. Rangka kerja tersebut terdiri daripada tiga dimensi iaitu ambien, susunatur ruang dan fungsi serta simbol dan artifak. Rangka kerja *servicescapes* menjelaskan bahawa pelanggan akan mendekati atau menghindari persekitaran pusat membeli-belah berdasarkan kepada persepsi mereka dan tindak balas kepada keadaan ambien, susunatur ruang simbol dan artifak (Baker, et.al, 2007). Menurutny lagi, pelanggan akan memberi tindak balas terhadap elemen *servicescapes*.

Menurut Keillor et al.(2003), *servicescapes* penting kerana ia bukan sahaja memberi kesan kepada kejayaan sesebuah firma itu tetapi juga menentukan tahap kepuasan pelanggan, persepsi kualiti perkhidmatan dan tingkah laku masa depan iaitu niat untuk melawat pusat membeli-belah lagi. Ia mampu mempengaruhi pengalaman perkhidmatan pelanggan ke tahap yang lebih tinggi (Shashikala dan Suresh, 2013). *Servicescapes* mempunyai peranan yang strategik dalam perniagaan sebagai *package, facilitator, socialize dan differentiator*. Ini merujuk kepada cara persekitaran perkhidmatan itu direka, dilaksanakan, dioperasikan dan digunakan.

Dalam aspek peruncitan merujuk kepada pusat membeli-belah, pemasaran dilihat sebagai satu urusan transaksi yang berlaku di antara pelanggan dan peruncit. Konsep ini beranggapan bahawa pencapaian matlamat sesebuah organisasi bergantung kepada penentuan keperluan dan kehendak pasaran sasaran dan penyampaian kepuasan dengan cekap dan berkesan berbanding pesaing. Bagi mencapai matlamat sesebuah pusat membeli-belah, maka *servicescapes* yang terdapat di pusat membeli-belah haruslah memuaskan hati pelanggan. Ini kerana pusat membeli-belah bukan hanya tertumpu kepada kepelbagaian barangan semata-mata, malah elemen-elemen *servicescapes* lain juga.

Antara penyelidik yang menjalankan kajian berkenaan *servicescapes* adalah Oakes (2000); Kwortnik (2008); Yan et al. (2009); Martin Osterberg (2008); Abubakar et al. (2001); Shahikala dan Suresh (2013) dan lain-lain lagi. Kajian-kajian ini berkisarkan isu persekitaran fizikal termasuk prestasi reka bentuk elemen bangunan, kualiti udara dalaman, pencahayaan ruang pusat membeli-belah, tahap kebisingan, kesesakan di dalam pusat membeli-belah dan membangunkan kesetiaan pelanggan terhadap *servicescapes* pusat membeli-belah. *Servicescapes* yang baik dan berfungsi akan menarik minat ramai pelanggan. Ini secara tidak langsung berkait rapat dengan kepuasan hati pelanggan. Kepuasan ialah penilaian selepas pembelian pelanggan setelah menerima perkhidmatan secara keseluruhan (Abubakar et al., 2001). Ia adalah tindak balas afektif di mana keperluan, keinginan dan harapan pengguna semasa pengalaman perkhidmatan tersebut telah dipenuhi atau melebihi.

Oleh itu, bagi melihat perhubungan di antara perkhidmatan dan juga tahap kepuasan, maka faktor "*servicescape*" penting dalam memahami tingkah laku pelanggan terhadap industri peruncitan (Bitner, 1992; Hoffman, Kelly dan Chung, 2003; Jones, 1999; Wakefield dan Baker, 1998). Elemen "*servicescape*" ini telah dikaji oleh Hoffman, et al. (2003) di mana kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji kegagalan perkhidmatan berkaitan masalah dalam pengurusan "*servicescape*". Kajian menunjukkan bahawa kegagalan persekitaran atau *servicescapes* boleh mempengaruhi tahap kepuasan hati pelanggan. Kajian ini mengenalpasti sub-sub kegagalan "*servicescape*" dan strategi memulihkannya. Hasil dari kajian mendapati isu kebersihan, isu mekanikal dan isu rekabentuk fasiliti merupakan *servicescapes* yang perlu diberi lebih perhatian.

Selain itu, Kent (2007) telah mengkaji rekabentuk persekitaran peruncitan di mana ia melihat kepada kekreatifan sesebuah pusat membeli-belah merekabentuk ruang yang ada. Ramai orang berpendapat bahawa sesuatu yang kreatif dapat memikat hati seseorang. Tetapi perlu diingat bahawa kreatif juga akan menyukarkan seseorang. Meskipun rekabentuk persekitaran pusat membeli-belah itu kreatif, ia tidak mampu memikat hati pelanggan jika apa yang diinginkan pelanggan sukar dicari, dicapai, dan diperolehi. Melalui temuramah yang dijalankan ke atas Sharifah Roziah (2012) dari Majlis Perbandaran Johor Baharu, beliau berkata sesebuah bangunan yang dibina mestilah dirancang dengan betul dan bertepatan dengan

fungainya. Katanya lagi, pusat membeli-belah merupakan satu aset yang sangat besar. Maka, aspek keselamatan dan kemudahan orang kurang upaya juga perlu diambil perhatian. Ini juga termasuk dalam rekabentuk susunatur ruang *servicescapes* pusat membeli-belah. Chitale (2007) juga menjalankan kajian terhadap isu *servicescapes* berkaitan susunatur di mana kajiannya menunjukkan apabila pelanggan tidak berpuas hati dengan rekabentuk pusat membeli-belah terbabit, maka pelanggan akan memilih pusat membeli-belah lain untuk dikunjungi.

Terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Syuhaily (2008) berkenaan persekitaran pusat membeli-belah di mana dalam istilah lain, ia turut dikategorikan sebagai *servicescapes*. Kajiannya menunjukkan kebanyakan pemilik pusat membeli-belah tidak mengambil perhatian terhadap kesan persekitaran pusat membeli-belah ke atas gelagat pengunjung sedangkan hakikatnya persekitaran pusat membeli-belah akan menyumbang kepada jumlah kedatangan pelanggan ke tempat tersebut. Tambahnya lagi, terdapat juga pemilik pusat membeli-belah yang tidak dapat mengenalpasti alasan yang kukuh mengapa pelanggan di sesebuah pusat membeli-belah itu menjadi pelanggan tetap di tempat tersebut. Maka di sini wujud sifat “kesetiaan” pelanggan terhadap sesebuah pusat membeli-belah itu. Mengapa hal ini berlaku? Ini berkemungkinan kerana apa yang dikehendaki oleh pelanggan diperolehi dan mungkin juga kerana pelanggan telah mencapai tahap kepuasan yang maksima di pusat membeli-belah tersebut sehingga menyebabkan sukar untuk menjadikan pusat membeli-belah lain sebagai pilihan pusat membeli-belah pertama. Walaupun begitu, sukar bagi sesebuah pusat membeli-belah menarik hati pelanggan hingga ke tahap seperti itu. Namun, satu penilaian melibatkan kepuasan pelanggan terhadap *servicescapes* pusat membeli-belah boleh dijalankan.

Sirgy et al. (2000) telah menjelaskan bahawa pengawalan ke atas elemen *servicescapes* seperti suasana (atmospheric), lokasi, harga dan promosi mampu menarik pelanggan tetap atau sasaran jenis pelanggan pusat membeli-belah tersebut. Oleh itu, kajian terhadap keseluruhan elemen *servicescapes* sepatutnya dijalankan. Walaubagaimanapun, kebanyakan kajian berkaitan “*servicescape*” dilaksanakan di luar negara. Namun, kuantitinya adalah sedikit (Moye, 2000). Seperti yang dijelaskan, *servicescapes* yang lengkap, menarik dan berfungsi di pusat membeli-belah mampu mempengaruhi tahap kepuasan pelanggan. Timbulnya isu-isu

berkenaan *servicescapes* pusat membeli-belah seperti kekurangan tempat letak kenderaan, CCTV yang tidak berfungsi, kekurangan papan tanda yang baik dan jelas, susunatur yang tidak menarik dan ambien yang tidak menarik akan memberi kesan kepada tahap kepuasan pelanggan. Noranisah (2009) menyatakan masalah kekurangan tempat letak kereta di pusat membeli-belah juga merupakan di antara isu yang sering berbangkit. Isu ini turut dibahasakan di dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 2008 di mana banyak masalah tempat letak kereta di pusat membeli-belah yang melibatkan ketidakfungsian CCTV dan ketiadaan pengawal keselamatan. Masalah kekurangan tempat letak kereta sering berlaku di waktu kemuncak terutamanya semasa membuat jualan hebat, kemasukan gaji pengguna di akhir bulan, di waktu perayaan serta cuti sekolah.

Selain itu, kemudahan orang kurang upaya seperti perletakan dan keadaan tandas tandas bagi orang kurang upaya juga perlu disediakan di pusat membeli-belah. Banyak pusat membeli-belah yang tidak mengambil perhatian terhadap elemen ini (Hashim et al., 2011). Walaubagaimanapun, setiap kajian yang dilaksanakan oleh para pengkaji hanya memfokuskan kepada satu elemen sahaja. Kekurangan penyelidik yang mengkaji berkenaan *servicescapes* pusat membeli-belah merangkumi ketiga-tiga faktor *servicescapes*. Begitu juga kajian dari luar negara. Ini diakui oleh Tiwari dan Abraham (2010). Hal ini turut dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Kearney, T. et al. (2007), di mana mendapati terlalu sedikit elemen keseluruhan *servicescapes* yang diketahui.

Kajian empirikal yang menggunakan pelbagai elemen *servicescapes* sangat diperlukan. Kebanyakan pengkaji seperti Spangenberg et al. (2005), Spangenberg et al. (2006), dan Ezeh dan Harris (2007), mencadangkan kajian lanjutan berkenaan aspek keseluruhan elemen *servicescapes* di kaji ke atas pusat membeli-belah. Ini bermakna penyelidik yang ingin menjalankan kajian ini perlu mengenalpasti semua elemen *servicescapes* pusat membeli-belah dan mengklasifikasikannya mengikut tiga faktor *servicescapes*. Kemudian, kajian dijalankan bagi melihat kesan kesemua elemen *servicescapes* pusat membeli-belah ini terhadap pelanggan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa *servicescapes* yang disediakan di setiap pusat membeli-belah ada perbezaannya kerana pusat membeli-belah mempunyai pelbagai jenis, saiz dan fungsi dagangan yang berbeza. Maka, Spangerberg (2006),

